

ADVISORY NOTE NO. 1/2023

**FLEKSIBILITI KAEDAH PENYAMPAIAN SECARA KONVENSIONAL PROGRAM
PENDIDIKAN TINGGI**

PENDAHULUAN

1. Sepanjang tempoh negara menghadapi pandemik Covid-19 yang bermula pada Mac 2020, MQA telah menyediakan beberapa panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) untuk mengendalikan program dengan berkesan selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).
2. MQA dengan persetujuan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memberikan fleksibiliti kepada semua PPT bagi melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian atau *remote* sehingga 100% kandungan program, tertakluk kepada kesesuaian kursus bagi semua program yang ditawarkan.
3. Melalui fleksibiliti yang diberikan tersebut, program-program yang diluluskan pengendaliannya secara konvensional dibenarkan untuk dikendalikan sepenuhnya secara dalam talian/ *remote* sepanjang tempoh pandemik, sehingga ke fasa peralihan ke endemik.
4. Walau bagaimanapun, fleksibiliti yang diberikan kepada program-program yang diluluskan kaedah penyampaiannya secara konvensional akan ditamatkan pada 31 Disember 2022 atau selewat-lewatnya pada semester yang bermula pada akhir tahun 2022 dan berakhir pada awal tahun 2023. Pemakluman kepada PPT untuk membuat pelarasan PdP kepada asal secara berperingkat telah dimaklumkan oleh pihak MQA melalui surat bertarikh 12 April 2022 dan 8 Ogos 2022. Ini bermakna bermula semester pertama 2023, PPT perlu kembali melaksanakan PdP program mengikut kelulusan pengendalian yang telah diberikan.
5. PPT merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi/ Latihan Awam lain yang programnya telah diakredit oleh MQA.

TINDAKAN LANJUT BAGI PROGRAM DENGAN KAEDAH PENYAMPAIAN SECARA KONVENSIONAL

6. Merujuk kepada situasi pelaksanaan PdP oleh PPT semasa pandemik Covid-19, MQA mengambil maklum bahawa terdapat PPT telah mengoptimumkan PdP secara dalam talian sehingga 100% bagi program konvensional mengikut kesesuaian keperluan bidang. Walau bagaimanapun, selaras dengan peralihan negara ke fasa endemik, semua program perlu kembali dilaksanakan mengikut kelulusan pengendalian program oleh KPT. **Justeru, PPT digalakkan untuk meneruskan kaedah penyampaian secara teradun (*blended learning*)/hibrid (bersemuka dan dalam talian) mengikut kesesuaian kursus-kursus yang ditawarkan.**
7. MQA melalui Surat Makluman Bil. 3/2018: Takrifan Kaedah Pengajian dan Kaedah Penyampaian Program Pendidikan Tinggi bertarikh 14 Februari 2018, telah menjelaskan dua kategori kaedah penyampaian program pendidikan tinggi seperti berikut:

Kaedah Penyampaian Program	Takrifan
Konvensional	Pembelajaran dan Pengajaran secara bersemuka sepenuhnya dalam bentuk kuliah/tutorial/amali (termasuk pembelajaran di industri) yang dikendalikan mengikut tempoh pengajian atau dengan gabungan pembelajaran atas talian (<i>blended learning</i>) antara 30% hingga 60%*.
Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh (<i>Open and Distance Learning, ODL</i>)	Pembelajaran dan pengajaran yang dikendalikan dengan komponen kursus yang dilaksanakan secara atas talian melebihi 60%*.

*Peratusan daripada jumlah kredit dalam program. Sumber rujukan *E-Learning Guidelines for Malaysian HEIs*, 2014

8. Berdasarkan kepada takrifan 'blended learning' pada perkara 7, PPT yang melaksanakan program secara konvensional boleh **memaksimumkan sehingga 60% PdP secara dalam talian**. Contoh:

Program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (120 kredit bergraduat)

- Maksimum PdP yang dibenarkan untuk dilaksanakan secara dalam talian adalah $60\% \times 120 \text{ kredit} = 72 \text{ kredit}$

9. Penambahan komponen 'blended learning' dalam pengendalian program konvensional tidak perlu dimaklumkan kepada MQA. Namun, PPT perlu menyimpan rekod dan bukti-bukti pengesahan untuk semakan semasa audit.
10. Pelaksanaan komponen PdP secara teradun (*blended*)/hibrid adalah tertakluk kepada ketetapan standard program dan standard badan profesional sekiranya berkaitan.
11. PPT perlu mengemukakan permohonan baharu akreditasi sementara untuk melaksanakan program dengan kaedah penyampaian ODL berdasarkan kepada *Code of Practice for Programme Accreditation: ODL (COPPA-ODL)* sekiranya komponen PdP program secara dalam talian melebihi 60%.

PANDUAN PELAKSANAAN PdP SECARA DALAM TALIAN BAGI KAEDAH PENYAMPAIAN SECARA TERADUN (*BLENDED LEARNING*) / HIBRID

12. PPT **disyorkan** untuk menyediakan *Self Instructional Material* (SIM) dan menyediakan *Electronic Learning Platform* yang lengkap bagi komponen PdP yang dilaksanakan secara dalam talian untuk memudahkan pembelajaran pelajar.
13. Pelajar hendaklah dimaklumkan dengan jelas akan pelaksanaan (secara dalam talian) atau pengendalian kursus/ aktiviti program pengajian termasuk pengendalian penilaian berterusan atau penilaian akhir.
14. PPT boleh menyediakan aktiviti-aktiviti pengukuhan secara bersemuka bagi kursus yang dilaksanakan secara dalam talian bagi menyokong pembelajaran dan meningkatkan kompetensi pelajar terhadap topik atau kursus tertentu sekiranya diperlukan.

PERANAN JAMINAN KUALITI DALAMAN PPT

15. Unit Jaminan Kualiti Dalaman PPT bertanggungjawab untuk membuat pemantauan secara berkala dan berterusan bagi memastikan penyampaian program secara 'blended learning' adalah berkesan dan mengikut ketetapan yang dinyatakan terutamanya bagi **Perkara 9**.

ASPEK KEBAJIKAN PELAJAR DAN STAF AKADEMIK

16. PPT dari semasa ke semasa hendaklah menjalankan kaji selidik yang bersesuaian bagi memastikan setiap permasalahan pelajar berkaitan dengan PdP, keperluan peranti elektronik, kemudahan internet dan tekanan terhadap pembelajaran dapat ditangani dengan segera.
17. PPT perlu memastikan staf akademik diberikan panduan, bimbingan dan sokongan agar staf akademik berupaya menyesuaikan teknik pengajaran konvensional kepada pengajaran secara dalam talian serta dapat menyediakan modul pembelajaran dalam talian (*online learning module*) yang lengkap.
18. Staf akademik hendaklah dibekalkan dengan kemudahan dan peranti elektronik yang bersesuaian untuk memastikan komponen PdP yang dijalankan secara dalam talian berjalan dengan lancar dan berkesan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

4 Januari 2023

SENARAI DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK:

1. Surat Makluman MQA Bil. 7/2022: Penerangan Berhubung Pelanjutan Fleksibiliti Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Bagi Tahun 2022 bertarikh 8 Ogos 2022
2. Surat Makluman MQA Bil. 5/2022: Pelanjutan Fleksibiliti Pengendalian Program Pendidikan Tinggi (PPT) bagi Tahun 2022 bertarikh 12 April 2022.
3. Surat Makluman Bil. 4/2018: Perubahan Maklumat Program bertarikh 8 Mac 2018
4. Surat Makluman Bil. 3/2018: Takrifan Kaedah Pengajian dan Kaedah Penyampaian Program Pendidikan Tinggi bertarikh 14 Februari 2018.